

Tarikh Dibaca: 23 FEB 2018M I 07 JAMADILAKHIR 1439H

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“ AL-QURAN PANDUAN HIDUP ”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar (Ahli)
Timbalan Pengarah (Operasi),
Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. Ketua Penolong Pengarah, (Setiausaha)
Bahagian Pengurusan Masjid,
Jabatan Agama Islam Selangor**
- 4. SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 5. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 6. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)
Pegawai Majlis Agama Islam Selangor**
- 7. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)
Ketua Penolong Mufti (Fatwa),
Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 8. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
- 9. Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran (Ahli)
Mantan Pensyarah Universiti Industri Selangor**
- 10. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor**
- 11. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
- 12. Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)
Penolong Pengarah (Unit Khutbah)
Bahagian Pengurusan Masjid**



“AL-QURAN PANDUAN HIDUP”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾¹
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آئِلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ
وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Pada hari Jumaat yang mulia ini lagi penuh keberkatan penghulu segala hari, khatib ingin mengajak Jemaah yang dimuliakan agar sama-sama terus istiqamah bertaqwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa. Taqwa dalam makna melaksanakan segala titah perintah Allah SWT dan meninggalkan segala larangannya. Yakinlah dan percayalah dengan sepenuh hati bahawa hanya hamba-hamba Allah yang bertaqwa sahaja yang layak memasuki syurganya di akhirat kelak.

Bersempena dengan Majlis Tilawah dan Tahfiz Al-Quran Peringkat Negeri Selangor pada 20 hingga 23 Februari 2018, marilah kita menghayati khutbah yang bertajuk “*Al-Quran Panduan Hidup*”.

Hadirin yang berbahagia,

¹ Al-Hijr : 9



Kitab suci Al-Quran merupakan sebuah kitab teragung yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW melalui Malaikat Jibril dalam bahasa arab dan mengndungi mukjizat yang tinggi dari segi lafaz dan makna serta memberi pahala bagi pembacanya. Namun harus diperakui oleh seluruh manusia bahawa Al-Quran ini mempunyai banyak kelebihan, tidak kira semasa hidup mahupun selepas kematian.

Al-Quran bukan sekadar pusaka peninggalan Rasulullah SAW semata-mata. Ia adalah mukjizat terbesar Nabi Muhammad SAW yang diturunkan secara berperingkat selama 23 tahun ini, diamanahkan supaya manusia dapat mempelajarinya, menghayati seterusnya mengamalkan segala yang terkandung di dalamnya.

Sesungguhnya Al-Quran yang mengndungi lebih 6000 ayat dalam 114 surah merupakan panduan dan petunjuk kepada manusia sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 1-2 :

الْم ﴿١﴾ ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾

“Alif, Laam, Miim. Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang bertaqwa”.

Kita mengetahui bahawasanya segala macam persoalan kehidupan di dunia mahupun di akhirat telah diterangkan secara jelas dalam Al-Quran. Sebagai seorang muslim yang sejati, seharusnya kita menjadikan Al-Quran sebagai panduan hidup agar kita memperoleh petunjuk Allah SWT sekaligus menjadikan kita sebagai hambanya yang bertaqwa.

Selain itu, Al-Quran juga bertindak sebagai kitab hidayah, rahmat dan penyembuh kepada segala macam penyakit bagi orang-orang



beriman. Allah SWT menjelaskan berkenaan hal ini melalui firmanNya dalam surah Yunus ayat 57 :

يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَتْكُمْ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِّمَا
فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿٥٧﴾

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Al-Quran yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada di dalam dada kamu, dan juga menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang-orang yang beriman”.

Hadirin Yang dirahmati Allah sekalin,

Al-Quran diturunkan oleh Allah Ta’ala untuk umat manusia seluruhnya sebagai nasihat pengajaran untuk memperbaiki akhlak dan amal perbuatan dan sebagai ubat penawar bagi penyakit batin seperti penyakit kufur dan syirik, hasad dengki dan khianat serta lain-lain penyakit jiwa. Al-Quran juga menjadi hidayah petunjuk ke jalan yang diredhai Allah Ta’ala yang akan membawa kepada kebahagiaan dunia dan akhirat dan Al-Quran pula secara khusus menjadi pancaran-pancaran rahmat bagi orang-orang yang beriman.

Al-Quran juga merupakan kitab Allah yang membawa umat manusia kepada kebenaran sebagaimana penegasan Allah di dalam firmanNya dalam surah Al-Maidah ayat 48 :

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ
مِنَ الْكِتَابِ وَمُهَيْمِنًا عَلَيْهِ فَاحْكُم بَيْنَهُم بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ
وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ عَمَّا جَاءَكَ مِنَ الْحَقِّ



"Dan Kami turunkan kepadamu (Wahai Muhammad) Kitab (Al-Quran) Dengan membawa kebenaran, untuk mengesahkan benarnya Kitab-kitab suci yang telah diturunkan sebelumnya dan untuk memelihara serta mengawasinya. maka jalankanlah hukum antara mereka (Ahli Kitab) itu dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kepadamu), dan janganlah engkau mengikut kehendak hawa nafsu mereka (dengan menyeleweng) dari apa yang telah datang kepadamu dari kebenaran."

Oleh yang demikian kita hendaklah berpegang dengan panduan Al-Quran dan mengamalkan segala ajaran yang terkandung di dalamnya. Kita hendaklah mempelajari Al-Quran dengan berguru bagi mengelakkan daripada melakukan kesalahan dari segi bacaan dan tafsirannya. Sesungguhnya umat Islam yang terbaik adalah mereka yang mempelajari dan mengajarkan Al-Quran. Hal ini bertepatan dengan hadis daripada Uthman Bin Affan RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ

"Sebaik-baik kamu ialah orang yang mempelajari Al-Quran dan mengajarkannya."

(Riwayat Al-Bukhari)

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Ini adalah sebahagian daripada keutamaan, fadilat dan kelebihan Al-Quran sebagai mukjizat yang menjadi hidayah, petunjuk, rahmat, penawar, nasihat pengajaran dan panduan yang menyelesaikan segala persoalan hidup manusia serta menyelamatkan manusia dari kesesatan sebagaimana sabda Rasulullah SAW :



تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ، لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا: كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ

"Aku telah tinggalkan pada kamu dua perkara, sekali-kali kamu tidak akan sesat selama kamu berpegang dengan keduanya iaitu Kitabullah (Al-Quran) dan sunnah Rasulullah SAW".

(Riwayat Imam Malik)

Marilah kita mengajak anak isteri, ahli keluarga, anak remaja, muda mudi, jiran tetangga dan masyarakat seluruhnya mengambil berat kepentingan belajar, mengajar, memahami, menghayati, mencintai dan mengamalkan Al-Quran. Sesungguhnya beruntunglah umat Islam yang sentiasa belajar dan mengajar serta mengamalkan Al-Quran.

Dengan ledakan teknologi hari ini, Al-Quran amat mudah untuk didapati. Jika dahulu mungkin agak mencabar untuk membawa Al-Quran, tetapi hari ini kita mempunyai telefon bimbit yang boleh menyimpan pelbagai aplikasi Al-Quran. Justeru, Al-Quran semakin mudah untuk di bawa kemana- mana, maka semakin mudah juga untuk kita membaca Al-Quran, sama ada di masjid, di hospital, di pejabat, di dalam penerbangan, mahu pun atas kapal di lautan, maka tiada alasan untuk kita tidak membaca Al-Quran. Oleh itu, jadikanlah mempelajari dan membaca Al-Quran sebahagian daripada gaya hidup kita. Luangkan sedikit masa dengan Al-Quran pada setiap hari.

Hadirin Yang Berbahagia,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah sama-sama kita mengambil beberapa pengajaran dan penghayatan sebagai panduan untuk kebahagiaan hidup kita. Antaranya :



1. Umat Islam hendaklah yakin bahawa kitab Al-Quran adalah sebuah kitab yang mengandungi pelbagai faedah untuk menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat kelak.
2. Umat Islam mestilah sentiasa berpegang teguh dengan kitab Al-Quran dan Sunnah Nabi kita Muhammad SAW sehingga ke akhir hayat.
3. Umat Islam hendaklah membudayakan membaca dan mempelajari Al-Quran dalam keluarga tanpa mengira masa dan di mana-mana sahaja berada.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

الرَّحْمَنُ ﴿١﴾ عِلْمَ الْقُرْآنِ ﴿٢﴾ خَلَقَ الْإِنْسَانَ ﴿٣﴾ عِلْمَهُ
الْبَيَانَ ﴿٤﴾

“(Tuhan) Yang Maha Pemurah serta melimpah-limpah rahmatNya. Dia lah yang telah mengajarkan Al-Quran. Dia lah yang telah menciptakan manusia. Dia lah yang telah membolehkan manusia (bertutur) memberi dan menerima kenyataan”.

(Ar-Rahman : 1 - 4)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.



أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ
هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Harunddin / syida

14.2.2018



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah SWT,

Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu mari kita memperbanyakkan salawat dan salam ke atas junjungan besar nabi kita Muhammad SAW, kerana perintah Allah SWT dalam firmanNya:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا
صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ
أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ
تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ
سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه
الحاج، ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد
العزیز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهِدَايَةَ
وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سَلَاطُورِ، تَغْكُو أمير شاه، ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ



الدِّينِ ادریس شاه الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ
عُمْرَهُمَا، مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga negeri ini menjadi negeri yang maju, sejahtera dan berkebakjikan dibawah naungan dan kepimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يُعْظِمُكُمْ
لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.